

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA: 4(B)(VII)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PANTAI JEREJAK
YB. DATO SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL**

4. Seringkali golongan ibu tunggal menghadapi masalah pengangkutan ke pejabat daerah dari Bayan Baru ke Balik Pulau.
 - (a) Adakah Kerajaan Negeri merancang untuk bayaran Program Skim Ibu Tunggal i-Sejahtera dilakukan di kawasan KADUN untuk memudahkan urusan ibu tunggal?
 - (b) Adakah perancangan mewujudkan cawangan Pejabat Daerah Barat Daya di Bayan Baru?

**YB. PHEE BOON POH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

4. Kerajaan Negeri sememangnya komited dalam membantu kebajikan rakyat dengan menyediakan program-program kebajikan yang memberi manfaat kepada pelbagai lapisan masyarakat termasuk golongan ibu tunggal di bandar dan di luar bandar.

Bermula tahun 2017, Kerajaan Negeri telahpun menawarkan mekanisme pembayaran yang memudahkan penerima termasuk penerima Program Ibu Tunggal di mana ADUN Kawasan akan mencadangkan lokasi-lokasi pembayaran yang dirasakan sesuai. Sebagai contoh, sepanjang tahun 2017, majlis pembayaran Program Ibu Tunggal di Daerah Barat Daya telahpun dilakukan di lokasi seperti berikut:-

TARIKH BAYARAN	TEMPAT
14 Mei 2017	Padang Bola Permatang Damar Laut
20 Mei 2017	Dewan Sekolah Agama Rakyat Sungai Pinang
17 Jun 2017	Perkarangan Pejabat PPK Bayan Lepas
	Dewan Balora Mastika
23 Julai 2017	Dewan Terbuka Tapak Pesta
	Dewan Sekolah Agama Rakyat Sungai Pinang
19 Ogos 2017	Dewan Batu Maung
	Dewan Balora Mastika
11 & 12 November 2017	Pejabat Daerah dan Tanah Barat Daya

Pada masa kini, Kerajaan Negeri dalam proses membangunkan modul pembayaran secara *Electronic Fund Transfer* (EFT) untuk Program Skim Pelajar Emas, Program Penghargaan Warga Emas dan Bantuan OKU bagi pembayaran pada tahun 2018. Menjelang tahun 2019, semua pembayaran program iSejahtera termasuk Program Ibu Tunggal akan dilaksanakan sepenuhnya secara EFT.

Setakat ini, Pejabat Daerah dan Tanah Barat Daya belum mempunyai perancangan untuk mewujudkan cawangan Pejabat Daerah di Bayan Baru.